Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 3, e001385
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1385

Hubungan Antara Penglibatan Sukan dan Akademik Atlet Sekolah Rendah

(The Relationship Between Sports Involvement and Academic of Primary School Athletes)

Viviana Anak Kimpa[1*], Norlena Binti Salamuddin[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p106283@siswa.ukm.edu.my
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: lena@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Viviana Anak Kimpa
(p106283@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Penglibatan
Sukan
Akademik
Atlet
Sekolah rendah

KEYWORDS:
Involvement
Sports
Academics
Primary school
Athletes

CITATION:
Viviana Anak Kimpa & Norlena Salamuddin. (2022). Hubungan Antara Penglibatan Sukan dan Akademik Atlet Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(3), e001385. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1385

ABSTRAK

Penglibatan murid dalam bidang sukan sering dikaitkan dengan pencapaian akademik mereka. Kecemerlangan akademik tidak mencukupi bagi seseorang pelajar mahupun murid dalam era globalisasi ini. Aktiviti kokurikulum terutamanya dalam bidang sukan juga merupakan salah satu cabang kejayaan bagi seseorang individu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara penglibatan sukan dan akademik di kalangan atlet sekolah rendah khususnya di sekitar daerah Telupid-Tongod, Sabah. Seramai 62 orang atlet sekolah rendah telah dipilih secara rawak untuk menjawab soalan soal selidik yang telah diedarkan bagi mendapatkan data. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For The Social Sciences*). ANOVA sehala dan korelasi Pearson (r) digunakan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah. Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan antara penglibatan sukan dan akademik atlet sekolah rendah. Atlet terlibat aktif dalam aktiviti sukan namun ianya tidak mempengaruhi akademik mereka.

ABSTRACT

Pupils' involvement in sports is often associated with their academic achievement. Academic excellence is not enough for a student or pupil in this era of globalization. Co - curricular activities especially in the field of sports is also an opportunity for an individual's success. Therefore, this study aims to look at the relationship between sports and academic involvement among primary school athletes, especially around the district of Telupid-Tongod, Sabah. A total of 62 primary school athletes were randomly selected to answer the questionnaires that were distributed to obtain data. Data were analyzed using SPSS software (Statistical Package for the Social Sciences). One-way ANOVA and Pearson's correlation (r) were used to

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

determine the relationships between the variables. As a result, the study found that there were no relationship between sports involvement and academics of primary school athletes. Athletes are actively involved in sports activities but it does not affect their academics.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini merupakan salah satu kajian yang telah menyiasat mengenai hubungan antara penglibatan sukan dan akademik atlet sekolah rendah. Hasil dapatan kajian ini dapat mengenal pasti bahawa penglibatan atlet secara aktif terutamanya di peringkat sekolah rendah dalam aktiviti sukan tidak mempengaruhi akademik mereka.

1. Pengenalan

Penglibatan murid sekolah dalam bidang sukan sering dikaitkan dengan pencapaian akademik mereka. Aktiviti kokurikulum terutamanya dalam bidang sukan ini merupakan salah satu cabang kejayaan bagi seseorang individu. Penglibatan pelajar atau murid dalam sukan adalah satu kepentingan yang besar bukan hanya sebagai profesional namun juga untuk kesihatan dan pendidikan. Seterusnya, adalah penting untuk masyarakat terutamanya golongan ibu bapa serta penjaga mempunyai kesedaran dan pemahaman tentang pentingnya penglibatan anak-anak mereka dalam aktiviti sukan sekaligus dapat mencapai prestasi yang cemerlang dalam pelajaran. Penglibatan dalam sukan ini tidak kira sama ada murid di bandar atau luar bandar kerana ianya merupakan salah satu daripada komponen dalam Falsafah Pendidikan Negara. Ibu bapa memainkan peranan yang penting juga dalam menyokong anak-anak mereka melibatkan diri dalam sukan. Hal ini bahawa sukan juga merupakan salah satu kerjaya sekiranya ianya dimanfaatkan dengan betul maka ramai generasi muda yang akan berjaya dalam bidang sukan sekaligus di peringkat kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa.

2. Pernyataan Masalah

Kajian yang dijalankan oleh Santana et al. (2017) terhadap hubungan antara kecerdasan fizikal kanak-kanak dan remaja terhadap prestasi akademik mendapati terdapat hubungan yang positif antara kecergasan fizikal terhadap prestasi akademik. Aktiviti sukan ini dipercayai memberi kesan positif terhadap perhatian, ingatan dan tingkah laku atlet murid. Stucko (2018) mendapati penyertaan dalam sukan berpasukan di sekolah menengah memberikan dapatan yang positif terhadap pencapaian akademik atlet pelajar. Masih terdapat kurangnya kajian terhadap penglibatan sukan dan pencapaian akademik di kalangan atlet murid sekolah rendah. Malah segelintir masyarakat juga masih menganggap penglibatan murid dalam bidang sukan ini akan menyebabkan prestasi akademik anak mereka merosot. Model Zero-Sum oleh Coleman (1961) menyatakan bahawa prestasi akademik pelajar akan menurun jika mereka terlibat dengan aktiviti bersukan ini. Tetapi model ini tidak dapat diterima oleh ramai pihak dan perlunya kajian yang banyak untuk membuktikan bahawa penglibatan sukan ini mempunyai hubungan yang positif terhadap pencapaian akademik para atlet khususnya atlet murid sekolah rendah. Oleh itu, melihat kepada kajian-kajian lepas dan mendapati terdapat hubungan yang positif antara penglibatan sukan dan pencapaian akademik atlet pelajar.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Makanya disebabkan masih ada segelintir yang beranggapan bahawa sukan ini tidak membantu dalam pencapaian akademik maka kajian-kajian lepas haruslah dirujuk bagi melihat bukti yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara penglibatan sukan dan akademik atlet sekolah sama ada sekolah rendah mahupun menengah. Artikel ini bertujuan membincangkan tentang hubungan antara penglibatan sukan dan akademik atlet khususnya atlet murid sekolah rendah. Oleh itu, kajian adalah untuk melihat hubungan penyertaan aktiviti sukan terhadap prestasi akademik atlet sekolah rendah.

Justeru hubungan antara sukan dan akademik adalah sangat penting dan keseimbangan harus dicapai antara kedua-duanya. Hal ini kerana aktiviti sukan ini dipercayai dapat memberi kesan positif terhadap perhatian, ingatan dan tingkah laku para atlet dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Mengurangkan masa belajar untuk aktiviti bersukan tidak akan mempengaruhi prestasi akademik murid. Namun sebaliknya jika masa untuk aktiviti bersukan ini dikurangkan maka ianya tidak akan meningkatkan prestasi belajar dan bahkan akan menurunkan kecergasan otak untuk belajar kerana murid akan menjadi tidak cergas semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

3. Tinjauan Literatur

Artikel ini menjelaskan bahawa penglibatan sukan mempengaruhi akademik atlet sekolah melalui kajian-kajian lepas yang telah dibuat. Kebanyakan kajian-kajian yang telah dibuat menunjukkan hubungan yang positif. Kajian Aminudin (2004) mendapati bahawa pelajar-pelajar yang aktif dalam aktiviti sukan mempunyai pencapaian yang baik dalam akademik. Kajian- kajian lepas yang telah dilakukan oleh Donnelly et al. (2016), Donnelly dan Lambourne (2011), Khan et al. (2012) menyatakan bahawa hubungan antara penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan terhadap pencapaian akademik adalah bersifat positif. Syed Lamsah, Mohd Imran dan Sareena (2018) menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai pengetahuan yang baik dalam aktiviti sukan dapat membentuk personaliti dan keupayaan kognitif yang mendorong kepada pencapaian akademik yang baik.

Kajian yang dibuat oleh Mohd Samri dan Mohd Anizu (2006) mendapati bahawa pelajar yang terlibat aktif dalam aktiviti sukan tidak mempengaruhi prestasi akademik mereka. Satu kajian yang dibuat oleh Koch et al. (2015) di mana dalam kajian ini melibatkan intervensi iaitu pelajaran bahasa Inggeris dan aktiviti sukan digabungkan dan hasil gabungan ini telah menunjukkan peningkatan dalam gred bahasa Inggeris pelajar berkenaan.

Menurut Schultz (2017) atlet adalah seseorang yang terlatih atau mahir dalam sesuatu bidang sukan dan sering bertanding dengan orang lain dalam acara yang dipertandingkan. Menurut National Center for Educational Statistics (2011), pencapaian akademik setiap bidang mata pelajaran dan gred untuk menyediakan konteks untuk mentafsirkan prestasi pelajar dalam suasana pendidikan. Mohd Salleh (2004) menyimpulkan bahawa perkataan sukan ini adalah suatu aktiviti yang dimainkan secara koperatif dan kompetitif dalam membentuk permainan. Menurut Russell et al. (2005), penglibatan merujuk kepada penggunaan tenaga dalam sesuatu tindakan yang menghubungkan seseorang dengan aktiviti.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Gardner (1983) memperkenalkan teori kecerdasan pelbagai, yang menunjukkan bahawa manusia mempunyai kecerdasan pelbagai. Teori kecerdasan pelbagai ini menunjukkan bahawa kita semua. mempunyai kecerdasan pelbagai. Kita semua mempunyai kekuatan yang mesti ditemui untuk berjaya dalam hidup. Gardner (1983) percaya bahawa definisi kecerdasan pelbagai merujuk kepada pengalaman kecerdasan manusia untuk menyelesaikan masalah, merawat masalah mengikut masa dan tempat, dan menghasilkan hasil yang berkesan.

Kajian yang dibuat oleh Azrina et al. (2017) pula mendapati bahawa kebanyakan pelajar pintar mempunyai markah yang tinggi dalam akademik dalam masa yang sama mempunyai kecerdasan fizikal yang dalam kategori cergas. Kecerdasan kinestetik ini biasanya berkait rapat dengan bidang sukan. Pendidikan yang adil perlu selaras dengan kecerdasan dalam bentuk kecergasan dan kesihatan agar sesuai dengan konteks pertumbuhan murid dan penilaian prestasi dalam aktiviti sukan murid yang aktif. Teori penglibatan Astin (1984) menerangkan bahawa aspek penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, termasuk aspek psikomotor, dan penyertaan dalam aktiviti fizikal sebagai peratusan tenaga fizikal dan psikologi yang dihasilkan daripada aktiviti pelajar yang berhubung dengan pengalaman akademik mereka. Menurut Astin (1984), teori ini boleh digunakan untuk mengukur tahap penglibatan seseorang dalam melakukan aktiviti.

Terdapat lima elemen dalam teori Astin (1984) ini iaitu:

i. Penglibatan tenaga fizikal dan psikologi dalam pelbagai objek.
ii. Penglibatan ini berlaku secara berterusan.
iii. Penglibatan terbahagi kepada dua bentuk iaitu kuantitatif dan kualitatif.
iv. Penglibatan secara peribadi berkait rapat dengan peluang pendidikan.
v. Penyertaan individu berkait rapat dengan keberkesanan polisi dan amalan dalam sistempendidikan.

Teori penglibatan Astin (1984) menyatakan apabila seseorang pelajar melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti, ia secara tidak langsung melibatkan tenaga fizikal dan psikologi dalam pelbagai dimensi. Astin juga menyatakan bahawa tenaga fizikal dan psikologi menjadi pendorong kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti. Contohnya, semasa bermain bola sepak di sekolah, pelajar menggunakan anggota fizikal mereka yang dikaitkan dengan pengalaman sebelumnya dengan latihan tersebut. Menurut Astin (1984) lagi, penyertaan atau penglibatan pelajar dalam sesuatu aktiviti adalah berterusan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan tenaga yang diberikan oleh guru dalam aktiviti yang dirancang. Hanya segelintir pelajar sahaja yang terlibat dalam aktiviti tersebut manakala pelajar yang lain pula tidak terlibat secara optimum. Hal ini ada berkaitan dengan pengalaman lalu yang pernah mereka lalui pada masa dahulu.

Astin (1984) juga menyatakan bahawa penglibatan murid akan melibatkan kedua-dua bentuk kualitatif dan kuantitatif. Menurut Astin (1984), aspek kualitatif melibatkan perhatian dan penumpuan terhadap aktiviti yang dijalankan. Aspek kuantitatif pula ialah masa yang diperuntukkan untuk aktiviti yang dilakukan. Oleh itu, kedua-dua aspek ini menentukan penyertaan pelajar dalam pelaksanaan aktiviti tersebut. Oleh itu, masa dan tumpuan untuk menyelesaikan sesuatu aktiviti menunjukkan bagaimana murid terlibat aktif dalam aktiviti tersebut Astin (1984) menerangkan program pendidikan yang bertujuan untuk menyumbang kepada pembangunan yang baik adalah melalui penyertaan kualitatif dan kuantitatif. Hal ini kerana semakin banyak murid menempatkan diri mereka dalam aktiviti, maka semakin banyak impak positif yang akan diperolehi.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Astin (1984) mengemukakan elemen ini sebagai salah satu elemen dalam dimensi Teori Penglibatan yang telah pun dinyatakan. Penyertaan individu dalam aktiviti tersebut adalah berkaitan dengan amalan dan garis panduan sistem pendidikan itu sendiri. Penyertaan murid ini dalam aktiviti sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa terutama dalam sektor pendidikan. Amalan pendidikan yang diamalkan adalah berpusatkan kepada murid. Ini bermakna ianya menggalakkan penyertaan murid dalam aktiviti pembelajaran. Dalam penglibatan atlet dalam sukan (aktiviti fizikal) ini mereka dapat memberi peluang kepada diri sendiri untuk membina dan membangunkan potensi diri sekaligus dalam akademik mereka.

Astin (1984) menyatakan penglibatan pelajar diukur secara kualitatif dengan mengambil kira masa yang pelajar itu luangkan untuk berfikir mengenai pengalaman atau perjumpaan dalam sebarang aktiviti dalam kehidupan. Menurut Kuh (1992), mendefinisikan penglibatan adalah proses sosialisasi pemahaman dan pembelajaran tentang cabaran-cabaran, tuntutan, keperluan, faedah dan ganjaran di persekitaran pelajar. Kamus Dewan (2007) mentakrifkan prestasi merujuk kepada hasil yang diperolehi dalam proses pembelajaran yang dilakukan oleh pelajar atau murid dalam subjek tertentu. Oleh itu, bagi menggalakkan murid untuk menyertai aktiviti sukan ini perlu ditingkatkan melalui program pendidikan yang berasaskan aktiviti fizikal agar dapat menarik murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan dalam masa yang sama mereka dapat menguruskan pembelajaran secara berhemah agar ianya menjadi seimbang antara penglibatan sukan dan akademik murid tersebut.

4. Metod Kajian

Seramai 62 orang atlet sekolah rendah telah dipilih. Mereka ini adalah di kalangan atlet murid tahap 2 iaitu terdiri daripada murid tahun 4 (10 tahun) hingga tahun 6 (12 tahun) yang telah menyertai mana-mana pertandingan sukan sama ada di peringkat sekolah mahupun luar sekolah. Artikel ini menjelaskan tentang kaedah kajian iaitu dengan menggunakan kaedah berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan. Persampelan secara rawak digunakan untuk memilih para peserta daripada populasi atlet murid tersebut. Disebabkan kekangan jarak dan masa menyebabkan tidak semua atlet terlibat. Hal ini kerana jarak antara sekolah di kawasan luar bandar yang agak jauh antara satu dengan yang lain menyukarkan pergerakan. Oleh itu, kaedah persampelan secara rawak ini digunakan bagi mempercepatkan proses pengumpulan maklumat. Penentuan saiz bilangan responden dibuat berdasarkan kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970) iaitu jika populasi keseluruhan adalah 75 maka sampel yang dipilih adalah 63 orang.

Daripada saiz populasi tersebut, seramai 62 responden yang mewakili saiz sampel daripada populasi atlet murid luar bandar dan pedalaman. Kaedah pengumpulan data menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada para responden bagi mengumpul maklumat yang diperlukan. Jumlah masa yang diperuntukkan adalah selama 21 hari iaitu 3 minggu untuk mendapat maklum balas daripada responden. Disebabkan jarak antara sekolah adalah sangat jauh, oleh itu ianya mengambil sedikit masa untuk mengedar borang soal selidik melalui guru sekolah masing-masing.

Para responden terdiri daripada atlet murid lelaki dan perempuan yang masing-masing berumur antara 10 tahun hingga 12 tahun sekolah rendah di daerah Tongod-Telupid, Sabah. Mereka ini terlibat sama ada dalam sukan peringkat sekolah, daerah, negeri mahupun kebangsaan. Jenis-jenis sukan yang sertai sama ada sukan olahraga,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

badminton, sepak takraw, bola tampar, bola jaring, bola sepak ataupun sukan-sukan lain. Kajian rintis telah dibuat untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan iaitu dilakukan ke atas 15 orang responden. Disebabkan sekolah adalah kategori sekolah SKM (Sekolah Kurang Murid) bilangan atlet tahap 2 hanya 15 orang sahaja untuk dijadikan sampel dalam kajian rintis. Namun hasil *Cronbach Alpha* adalah pada tahap 0.727 dan oleh itu kebolehpercayaan adalah berada pada tahap baik danboleh diterima.

Prosedur pengumpulan data merupakan langkah yang sangat penting dalam sesuatu penyelidikan, maka perlu untuk menyediakan kerangka kerja yang sesuai dengan proses penyiasatan untuk mengikuti prosedur pelaksanaan pengumpulan data dengan lebih sistematik. Soal selidik kajian disemak terlebih dahulu dan disahkan oleh penyelia. Setelah mendapatkan pengesahan daripada penyelia mengenai kebolehpercayaan soal selidik, maka kajian rintis pertama kali dilakukan ke atas 15 orang responden untuk memperkukuhkan prosedur dan pengumpulan data. Setelah kajian rintis yang dibuat melepasi kesahan dan kebolehpercayaan, barulah borang soal selidik diedarkan kepada para peserta yang dipilih. Tempoh masa untuk mengagih dan mengumpulkan maklumat para peserta adalah selama 30 hari termasuk memasukan data di dalam SPSS. Proses pengumpulan data adalah seperti berikut :

i. Memohon kebenaran daripada pihak sekolah sebelum menjalankan kajian.
ii. Memilih masa atau hari yang sesuai untuk berjumpa dengan responden.
iii. Terangkan tujuan tinjauan kepada responden.
iv. Terangkan kepada responden cara menjawab soal selidik.
v. Responden diberi masa untuk melengkapkan soal selidik.
vi. Kumpul dan kira tinjauan yang dikembalikan oleh responden.
vii. Membuat analisis ke atas data yang diperolehi dengan menggunakan perisian *SPSS.*
viii. Menerangkan dapatan kajian yang diperolehi dan sekiranya ada cadangan penambahbaikanjuga dinyatakan.
ix. Membuat rumusan terhadap keseluruhan dapatan kajian.

Penggunaan skala Likert empat poin digunakan (Skala Likert 1-4). Menurut Chua (2021), sesetengah penyelidik mungkin berpendapat bahawa penggunaan skala Likert 1-4 poin adalah lebih sesuai berbanding dengan skala Likert yang menggunakan 5,6,7,9 atau 11 poin. Penggunaan model skala Likert ini mempunyai tiga andaian berhubung skala jawapan yang digunakan iaitu :

i. Tahap persetujuan bagi setiap soalan berbeza-beza bagi setiap orang.
ii. Pernyataan yang berbeza mempunyai tahap padanan yang berbeza.
iii. Tahap persetujuan bahawa responden bersikap positif mungkin digunakan untuk pernyataanlebih daripada responden yang bersikap negatif. Sikap sebenar ditentukan oleh tahap persetujuan sebenar responden.

Kaedah ini dipilih kerana dapat menilai atau mengkaji tahap tinggi atau rendah soalan dalam soal selidik dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 85%. Ianya juga memudahkan para responden yang dipilih terutama di kalangan atlet sekolah rendah ini untuk menjawab soalan yang telah diedarkan serta memudahkan mereka membuat pilihan. Jenis respons yang digunakan adalah respons "persetujuan" (1 = Sangat setuju; 2 = Setuju; 3 = Tidak setuju; 4 = Sangat tidak setuju).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Analisis inferensi juga digunakan untuk menganggarkan indeks populasi dengan menggunakan indeks statistik berdasarkan maklumat dari sampel perwakilan. Dalam artikel ini menetapkan tahap 0.05 ($p > 0.05$) sebagai tahap signifikan untuk memerhatikan perbezaan pencapaian akademik atlet. Analisis Kolerasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan antara dua pemboleh ubah iaitu hubungan antara penyertaan atlet dalam sukan dan pencapaian akademik mereka berdasarkan kepada skala Guilford (1956) iaitu nilai pekali <0.20 = Sangat lemah, 0.20 – 0.39 = Lemah, 0.40 – 0.69 = Sederhana, 0.70 – 0.89 = Kuat dan >0.89 = Sangat kuat.

5. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama menentukan tahap penglibatan atlet dalam aktiviti sukan. Bahagian kedua pula adalah faktor penglibatan dalam sukan. Manakala bahagian ketiga pula adalah melihat hubungan antara penglibatan sukan dan akademik atlet sekolah rendah. Kajian ini melibatkan seramai 62 orang responden yang merupakan atlet sekolah rendah. Para atlet tersebut tergolong daripada 34 orang lelaki dan 28 orang perempuan.

5.1. Tahap Penglibatan Sukan Atlet Sekolah Rendah

Dalam bahagian ini, analisis yang dibuat melibatkan analisis deskriptif untuk tahap penglibatan atlet dalam aktiviti sukan yang diceburi. Perkara yang dilihat adalah seperti jumlah penglibatan, peringkat penglibatan dan masa yang diperuntukkan untuk latihan sukan dalam seminggu. Tahap penglibatan sukan ini dikelaskan mengikut 3 tahap yang telah ditentukan iaitu kurang aktif, aktif dan sangat aktif.

Daripada dapatan tersebut menunjukkan bahawa jumlah penglibatan atlet dalam sukan bagi tempoh tahun 2021. Dapat dinyatakan bahawa jumlah penglibatan sukan yang paling tinggi adalah 4 hingga 6 kali iaitu sebanyak 48.4% dengan kekerapan 30 orang. Manakala jumlah penglibatan yang paling rendah adalah 10 kali dan ke atas iaitu sebanyak 32.3% dengan kekerapan 6 orang sahaja. Bagi penglibatan 7 hingga 9 kali pula adalah sebanyak 41.9% dengan kekerapan sebanyak 26 orang. Secara keseluruhannya bagi jumlah penglibatan atlet dalam sukan sepanjang tahun 2021 adalah di tahap aktif dengan nilai min bersamaan dengan 2.61.

Bagi peringkat penglibatan pula, didapati bahawa kebanyakan atlet terlibat di peringkat sekolah iaitu sebanyak 51.6% dengan kekerapan sebanyak 32 orang. Manakala di peringkat daerah pula jumlah penglibatan adalah sebanyak 40.3%% iaitu dengan kekerapan 25 orang. Bagi penglibatan di peringkat negeri pula adalah hanya 8.1% sahaja dengan kekerapan 5 orang atlet. Secara keseluruhannya bagi peringkat penglibatan sukan di kalangan atlet sepanjang tahun 2021 adalah di tahap kurang aktif dengan nilai min bersamaan dengan 1.56.

Selain itu, analisis deskriptif yang melihat kepada peruntukan masa yang digunakan untuk menjalani latihan dalam sehari. Daripada analisis tersebut dapat dinyatakan bahawa peratusan yang paling tinggi adalah sebanyak 67.7% dengan kekerapan 40 orang atlet telah menggunakan masa selama 4 jam untuk sesi latihan. Manakala sesi latihan selama 3 jam adalah sebanyak 32.3% dengan kekerapan 20 orang. Secara keseluruhannya bagi masa yang diperuntukkan untuk menjalani latihan sukan dalam sehari adalah di tahap aktif dengan nilai min bersamaan dengan 2.68.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Secara keseluruhan dalam bahagian satu ini menunjukkan skor min bagi tahap penglibatan atlet dalam aktiviti sukan sepanjang tahun 2021. Skor min yang paling tinggi adalah pada item masa yang diperuntukkan untuk menjalani latihan sukan dalam sehari iaitu min bersamaan dengan 2.68. Skor min yang paling rendah pula adalah pada item peringkat penglibatan sukan di kalangan atlet sepanjang tahun 2021 iaitu min bersamaan dengan 1.56. Manakala bagi item jumlah penglibatan atlet dalam sukan pula adalah pada skor min bersamaan dengan 2.61. Secara keseluruhannya, menunjukkan tahap penglibatan atlet dalam sukan sepanjang tahun 2021 berada pada tahap aktif dengan skor min bersamaan dengan 2.28 seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Jadual skor min tahap penglibatan atlet dalam aktiviti sukan sepanjang tahun 2021

Item	Min	Interpretasi
Jumlah penglibatan atlet dalam sukan sepanjang tahun 2021.	2.61	Aktif
Peringkat penglibatan sukan di kalangan atlet sepanjang tahun 2021.	1.56	Kurang aktif
Masa yang diperuntukkan untuk menjalani latihan sukan dalam sehari.	2.68	Aktif
Keseluruhan	2.28	Aktif

5.2. Faktor-Faktor yang Membawa Kepada Penglibatan Atlet dalam Sukan.

Dalam bahagian ini, analisis yang dibuat melibatkan analisis deskriptif dan inferensi digunakan untuk tahap penglibatan atlet dalam aktiviti sukan yang diceburi. Analisis inferensi yang digunakan adalah analisis Anova Sehala. Dalam bahagian ini analisis yang dibuat melihat kepada tiga faktor iaitu faktor dorongan, faktor kesihatan dan faktor sebab.

Kaedah analisis statistik inferens menggunakan ANOVA sehala untuk melihat penglibatan atlet dalam aktiviti sukan berdasarkan kepada faktor dorongan menunjukkan nilai *mean square* = 0.098 (*between groups*) dan 0.622 (*within groups*). Manakala nilai p=0.855 (p > 0.05). Maka, Ho1 gagal ditolak (diterima). Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penglibatan atlet dalam aktiviti sukan berdasarkan faktor dorongan. Manakala Ha1 pula gagal diterima (ditolak). Dapatan juga menunjukkan nilai min bagi faktor dorongan yang melibatkan ibu bapa, rakan-rakan dan pihak sekolah adalah 2.60 yang melibatkan 72 orang dan sisihan piawai pula adalah 0.78.

Kaedah analisis statistik inferensi, menggunakan ujian ANOVA sehala untuk melihat penglibatan atlet dalam aktiviti sukan berdasarkan kepada faktor kesihatan menunjukkan nilai *mean square* = 1.385 (*between groups*) dan 0.460 (*within groups*). Manakala nilai p=0.057 (p > 0.05). Maka, Ho2 gagal ditolak (diterima). Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penglibatan atlet dalam aktiviti sukan berdasarkan faktor kesihatan. Manakala Ha2 pula gagal diterima (ditolak). Dapatan juga menunjukkan nilai min bagi faktor kesihatan seperti menghindari penyakit, mengurangkan tekanan dan meningkatkan kesihatan fizikal dan mental adalah 2.66 yang melibatkan 72 orang dan sisihan piawai pula adalah 0.700.

Dari sudut faktor sebab pula, kaedah analisis statistik infrensi, menggunakan ujian ANOVA sehala terhadap tahap penglibatan atlet dalam aktiviti sukan berdasarkan faktor

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sebab menunjukkan nilai *mean square* = 0.920 (*between groups*) dan 2.916 (*within groups*). Manakala nilai p=0.731 (p > 0.05). Maka, Ho3 gagal ditolak (diterima). Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penglibatan atlet dalam aktiviti sukan berdasarkan faktor sebab. Manakala Ha3 gagal diterima (ditolak). Dapatan juga menunjukkan nilai min bagi faktor sebab minat, hobi, mendapat ramai kawan, untuk kepuasan diri dan untuk mendapatkan markah dalam penglibatan kokurikulum adalah 2.34 yang melibatkan 72 orang dan sisihan piawai pula adalah 1.688.

5.3. Hubungan Antara Penglibatan Sukan dan Akademik Atlet Sekolah Rendah

Hubungan antara penglibatan sukan dan akademik atlet sekolah rendah diuji dengan menggunakan Korelasi Pearson. Korelasi antara tahap penglibatan dalam aktiviti sukan dan akademik atlet sekolah rendah memperoleh nilai p = 0.279 yang menunjukkan p > 0.05. Maka Ho3 gagal ditolak (diterima). Dapat dinyatakan bahawa tidak terdapat hubungan antara penglibatan sukan dan akademik atlet sekolah rendah. Manakala nilai korelasi r = 0.140 yang bermaksud mempunyai hubungan yang sangat lemah. Oleh itu, nilai ini menunjukkan bahawa penglibatan sukan tidak mempunyai dengan akademik atlet sekolah rendah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa hipotesis yang menyatakan tidak terdapat hubungan antara penglibatan sukan dan akademik atlet sekolah rendah adalah diterima. Manakala hipotesis Ha3 pula gagal diterima (ditolak). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penglibatan atlet dalam aktiviti sukan tidak mempengaruhi akademik mereka iaitu sebanyak mana penglibatan dalam sukan masih tidak memberi impak kepada peningkatan akademik mereka.

6. Perbincangan

Penglibatan murid dalam bidang sukan seiring dikaitkan dengan pencapaian akademik mereka. Hubungan sukan dan akademik adalah sangat penting dan keseimbangan harus dicapai antara kedua-duanya. Ini kerana aktiviti sukan ini dipercayai dapat memberi kesan positif terhadap perhatian, ingatan dan tingkah laku para atlet dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Oleh itu, artikel ini bertujuan melihat hubungan antara penglibatan sukan dan akademik atlet khususnya atlet sekolah rendah. Kajian Aminudin (2004) menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang aktif dalam aktiviti sukan mempunyai pencapaian yang baik dalama akademik.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penglibatan atlet dalam sukan menunjukkan skor min adalah 2.61 dan 2.68 iaitu berada pada tahap aktif pada item pemboleh ubah berdasarkan jumlah penglibatan atlet dan masa yang digunakan untuk menjalani latihan sukan. Atlet menunjukkan tahap penglibatan dalam sukan adalah aktif. Ini disokong melalui Astin (1984) dalam teori penglibatan yang telah diperkenalkan oleh beliau menyatakan bahawa apabila murid melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti maka secara tidak langsung ia akan melibatkan tenaga fizikal dan psikologi dalam pelbagai dimensi.

Menurut Astin (1984) lagi, penglibatan murid ini melibatkan dua bentuk iaitu kualitatif dan kuantitatif. Dari aspek kualitatif ini merujuk kepada perhatian serta tumpuan terhadap aktiviti yang sedang dijalankan. Manakala aspek kuantitatif pula merujuk kepada masa yang diperuntukkan untuk menjalankan aktiviti. Maka kedua-dua aspek ini digunakan untuk menentukan penglibatan murid-murid (atlet) dalam melaksanakan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

aktiviti. Hal ini kerana semakin banyak murid menempatkan diri mereka dalam aktiviti, maka semakin banyak impak positif yang akan diperoleh. Dari sudut peruntukkan masa yang digunakan untuk latihan sukan juga menunjukkan di tahap aktif secara keseluruhannya. Menurut Russell et al. (2005) menyatakan bahawa penglibatan merupakan satu tenaga dalam tindakan dimana ianya menghubungkan seseorang dengan aktiviti yang dilakukan. Daripada dapatan kajian juga tahap penglibatan yang aktif ini bersesuaian dengan teori penglibatan Astin (1984) iaitu yang merujuk dari aspek kuantitatif dan kualitatif.

Bagaimanapun kajian ini mendapati pengaruh daripada aspek dorongan, kesihatan dan sebab tidak menunjukkan hubungan dengan penglibatan sukan di kalangan atlet ini. Hal ini mungkin disebabkan pengaruh persekitaran dari sudut dorongan, kesihatan dan sebab ini tidak mempengaruhi penglibatan sukan para atlet tersebut. Dapatan menunjukkan hipotesis Nul gagal ditolak (diterima) iaitu tidak terdapat hubungan antara ketiga-tiga faktor tersebut dengan penglibatan sukan. Mungkin faktor yang dilihat ini belum cukup untuk mengukur pengaruh penglibatan sukan di kalangan para atlet. Mungkin faktor ganjaran perlu ditambah untuk melihat hubungan penglibatan tersebut.

Dapatan kajian untuk melihat perhubungan dua pemboleh ubah menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara penglibatan sukan dan akademik di kalangan atlet sekolah rendah iaitu hipotesis Nul gagal ditolak dengan nilai p melebihi 0.05 iaitu p bersamaan dengan 0.279. Manakala nilai pekali korelasi r adalah bersamaan dengan 0.140 iaitu menunjukkan hubungan positif yang sangat lemah. Hal ini bermaksud bahawa penglibatan atlet dalam sukan ini tidak membawa apa-apa kesan terhadap akademik mereka. Walaupun mereka aktif atau tidak dalam sukan, ianya tidak membawa apa-apa perubahan di dalam akademik mereka. Kalau dilihat dari sudut hubungan antara penglibatan sukan dan akademik ini menunjukkan terdapat hubungan tetapi hubungannya adalah hubungan positif yang sangat lemah. Ini menunjukkan mungkin terdapat sedikit sahaja perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Kajian lepas yang menyokong pernyataan ini adalah melalui kajian yang dijalankan oleh Mohd Samri dan Mohd Anizu (2006) mendapati bahawa pelajar yang bergiat aktif dalam sukan tidak mempengaruhi prestasi akademik mereka. Ini menunjukkan bahawa walaupun mereka ini bergiat aktif dalam sukan sehingga peringkat yang tinggi, namun ianya tidak mengganggu pencapaian akademik mereka bahkan menjadi lebih baik berbanding dengan mereka yang tidak aktif bersukan.

Selain daripada teori penglibatan, teori kecergasan Gardner (1983) juga digunakan untuk melihat keaktifan seseorang atlet tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhan para atlet menunjukkan sikap aktif melalui pemboleh ubah – pemboleh ubah yang dinilai. Terutamanya melalui jumlah penglibatan mereka dalam sepanjang tahun. Hasil dapatan menunjukkan nilai aktif dimana rata-rata para atlet sangat aktif dalam penglibatan mereka sepanjang tahun walaupun dalam tempoh pandemik Covid-19 ini. Penglibatan mereka ini adalah sama ada melalui pertandingan dalam dan luar talian iaitu dengan merakam video bagi larian mereka untuk dinilai. Melalui teori kecergasan ini, atlet menunjukkan kecerdasan kinestetik iaitu kecergasan fizikal mereka dalam pertandingan yang telah diikuti. Pengiktirafan yang mereka terima adalah hasil daripada kebolehan yang mereka hasilkan untuk menang dalam sesuatu pertandingan. Masa yang digunakan untuk berlatih juga menunjukkan sikap komitmen terhadap latihan sukan. Ini kerana dapatan kajian menunjukkan penglibatan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mereka adalah dalam kategori aktif dan ini bersesuaian dengan kecergasan yang mereka miliki.

Kajian dahulu seperti yang dibuat oleh Donnelly et al. (2016), Donnelly dan Lambourne (2011), Khan et al. (2012) menyatakan bahawa hubungan antara penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan terhadap pencapaian akademik adalah bersifat positif. Sama juga dengan kajian ini juga terdapat hubungan yang positif tetapi dari sudut positif yang lemah. Hal ini mungkin tumpuan kajian ini hanya merangkumi skop responden yang kecil dan tertumpu di satu kawasan sahaja dan juga disebabkan oleh faktor pandemik Covid-19 ini.

Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan manfaat kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam memberi gambaran yang jelas dalam menghadapi situasi atau cabaran dalam memastikan penglibatan sukan ini secara aktif tanpa mengabaikan akademik mereka. Kajian ini juga membawa implikasi terutamanya kepada para atlet sekolah rendah ini bahawa penglibatan sukan ini tidak mempengaruhi akademik mereka. Oleh itu, para atlet tidak perlu risau sekiranya mereka ingin bergiat aktif dalam sukan kerana ianya tidak akan menjejaskan prestasi akademik mereka. Bagi pihak sekolah pula, para guru tidak perlu risau untuk menggalakkan anak murid mereka terlibat aktif dengan sukan kerana ianya tidak membawa apa-apa penurunan dalam prestasi pembelajaran mereka di dalam kelas. Sebaliknya, pihak sekolah harus bersama-sama dalam membantu dalam meningkatkan penglibatan dalam sukan ini di kalangan murid sekolah khususnya dari aspek kesihatan untuk meningkatkan kecergasan mereka.

Kekangan masa dan jarak yang jauh sebab kebanyakan sekolah yang terlibat terletak jauh antara satu sama lain menyukarkan pergerakan untuk mendapatkan data yang diperlukan dan kalau ada pun mengambil masa yang lama untuk pengedaran borang soal selidik. Untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik hanya dibuat dalam jumlah yang sedikit sahaja iaitu seramai 15 orang responden disebabkan tempoh pandemik Covid-19 ini menyukarkan pergerakan dalam menjalankan kajian. Oleh itu, bukan semua sekolah yang terlibat dan hanya sekolah-sekolah yang boleh dihubungi melalui rakan-rakan guru yang lain sahaja yang terlibat dalam kajian ini. Sebab itu, dapatan kajian ini adalah terhad.

Diharap juga agar kajian lanjutan dijalankan untuk melihat dengan lebih luas lagi dan skop kajian juga haruslah diperluaskan ke kawasan-kawasan lain. Begitu juga dengan instrumen yang hendak dikaji perlu diperbanyakkan supaya ianya tidak terlalu terhad. Kajian ini juga hanya melihat kepada hubungan penglibatan sukan dan akademik atlet sekolah rendah dan hasilnya tidak menunjukkan hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Diharap agar kajian yang akan datang, pengkaji seterusnya boleh membuat kajian untuk melihat hubungan antara penglibatan sukan ini dengan aspek-aspek yang boleh membantu dalam memperoleh hasil yang lebih baik terutamanya masih dari sudut akademik. Skop kajian juga perlulah diperluaskan serta bilangan responden di perbanyakan lagi untuk melihat dengan lebih lanjut hasil kajian. Mungkin juga kajian yang akan datang boleh melihat cabaran penglibatan sukan dalam talian dan pencapaian akademik pada masa pandemik Covid-19 ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

7. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tahap penglibatan sukan di kalangan para atlet sekolah rendah ini berada pada tahap aktif dan ini menunjukkan para atlet bergiat secara aktif dalam sukan. Namun dari sudut faktor dorongan pula menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan iaitu ketiga-tiga faktor dorongan, kesihatan dan sebab tiada kaitan dengan penglibatan dalam aktiviti sukan. Manakala bagi hubungan penglibatan sukan dan akademik atlet sekolah rendah ini menunjukkan tiada hubungan antara kedua-dua aspek tersebut. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan dan pengaruh terhadap penglibatan sukan dan akademik di kalangan atlet sekolah rendah bagi tahun 2021.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Dr. Norlena binti Salamuddin yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan tanpa rasa jemu dalam menyiapkan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Tidak menerima sebarang tajaan dan bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan.

Rujukan

Aminudin Abdul Rahman. (2004). *Penglibatan Pelajar Secara Aktif dalam Aktiviti Ko-kurikulum dan Kesannya ke Atas Pencapaian Akademik. Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nanas, Pontian*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai.

Astin, A. W. (1984). Student Involvement : A Development Theory For Higher Education. *Journal of College Student Development.* University of California, Los Angeles. https://www.researchgate.net/publication/220017441

Azrina Md. Azhari, Mohd Hasrul Kamarulzaman, Roslina Ahmad Faisal, Nursakinah Mat Hazir, Muhammad Zaim Esrati, Mohd Rafie Lim, Nurul Suzaina Binti Joli & Noriah Ishak. (2017). *Tahap Kecergasan Fizikal di Kalangan Pelajar Pintar dan Berbakat.* E-proceeding of the 6th Global Summit on Education 2017. (e-ISBN: 978-967-0792-22-4). 4 December 2017, Media Kuala Lumpur, Malaysia. Organized by https://worldconferences.net

Chua, Y. P. (2021). *Kaedah Penyelidikan*. Buku 1. Edisi 4. Kuala Lumpur. McGraw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.

Coleman, J.S. (1961). The Adolescent Society: The social life of the teenager and its impact on education. New York: Free Press. *Social Forces*, *40*(4), 372 – 374. https://doi.org/10.2307/2573896

Donnelly, J. E., & Lambourne, K. (2011). Classroom-based physical activity, cognition, and academic achievement. Preventive Medicine, 52 (SUPPL). *Prev Med, 52*(1), S36-42. https://doi.org/10.1016/j.ypmed.2011.01.021. PMID: 21281666

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Donnelly, J. E., Hillman, C. H., Castelli, D., Etnier, J. L., Lee, S., Tomporowski, P., & Szabo-Reed, A. N. (2016). Physical Activity, Fitness, Cognitive Function, and Academic Achievement in Children: A Systematic Review. *Medicine & Science in Sports & Exercise, 48*(6), 1197– 1222. https://doi.org/10.1249/MSS0000000000000901

Gardner, H. (1983). *Frames of Mind: The Theory of Mutiple Intelligences*. NYC: Basic Books. https://doi.org/10.1177/001698628502900212

Guilford, J.P. (1956) The Structure of Intellect. *Psychological Bulletin, 53*, 267-293. http://dx.doi.org/10.1037/h0040755

Kamus Dewan (Edisi Keempat). (2007). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khan, M. Y., Jamil, A., Khan, U. A., & Kareem, U. (2012). Association between participation in sports and academic achievement of college students. Business and Social Sciences, 2(8), 419–431. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences August, 2*(8), 2222-6990

Koch, H.J., Kittig, G., Eisermann, B., Bohm, A., & Hartwich-Korch, R. (2015). *Concept of an additional sports lesson per week in English ('moving words") in a middle school*. MMW– Fortschr. Med. 157, 1-5. (CrossRef).

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational & Psychological Measurement, 30*, 607-610. https://doi.org/10.1177/001316447003000308

Kuh, G.D. (1992). What do we do now? Implication for educations of how colleges affects students. *American Educational Research Journal, 30*(2), 277-304. https://doi.org/10.1353/rhe.1992.0025.

Mohd Salleh Aman. (2004). *Sukan dalam Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Samri Mohd Noor & Mohad Anizu bin Haji Mohd Nor. (2006). *Penglibatan Mahasiswa Secara Aktif Dalam Bidang Sukan di Peringkat Universiti dan Kesannya Terhadap Pencapaian Akademik*. http://eprints.utm.my/id/eprint/540/1/MohdSamriMohd2006_Penglibatanmahasiswasecaraaktifdalam.pdf

National Center for Educational Statistics. (2011). *High school transcript study*. Washington, DC: U.S. Government Printing Office.

Russell, V.J., Ainley, M., & Frydenberg, E. (2005). Schooling Issues Digest: Student Motivation and Engagement. Retrieved November 9, 2005, from http://www.dest.gov.au/sectors/school education/publications resources/schooling issues digest/schooling issues digest motivation engagement.htm

Santana, C. C. A., Azevedo, L. B., Cattuzzo, M. T., Hill, J. O., Andrade, L. P., & Prado, W. L. (2017). Physical fitness and academic performance in youth: A systematic review. *Scandinavian Journal of Medicine and Science in Sports, 27*, 579 – 603. PMID: 27714852. DOI: 10.1111/sms.12773

Schultz, K. (2017). Do High School Athletes Get Better Grades During the Off-Season? *Journal of Sports Economics, 18*(2), 182-208. https://doi.org/10.1177/1527002514566279

Stucko, M. (2018). *Sport Participation and Academic Achievement in High School Athletes. Department of Kinesiology, Sport Studies and Physical Education Synthesis Project 58*. The College of Brockport. State University of New York. https://digitalcommons.brockport.edu/pes_synthesis/58

Syed Lamsah Syed Chear, Mohd Imran Mohd & Sareena Hanim Hamzah. (2018). Kepentingan Aktiviti Fizikal Dalam Membina Personaliti Dalam Meningkatkan Prestasi Akademik. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani, 7*, (1), 21-33. https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JSSPJ

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).